

UNISSA terus berilitizam untuk meningkatkan kualiti akademiknya dan bersetia menawarkan program-program akademik merentasi disiplin dalam usaha membantu kerajaan melahirkan 'Generasi Berugama dan Progresif' dengan menyediakan program-program akademik yang lebih fleksibel, dinamik dan marketable' berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi memenuhi keperluan dan pembangunan negara.'

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ditubuhkan pada 1 Januari 2007 atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tital Perutusan Awal Tahun Masih 2007 dengan harapan yang murni untuk menjadikan UNISSA selaku universiti kedua di negara ini, sebagai sebuah pusat ilmu Islam tulen melahirkan para ulama dan cendekian berwibawa dan mampu memenuhi aspirasi negara.

Ke arah itu, UNISSA menetapkan visinya untuk menjadi sebuah universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah.

Pada tahun yang sama, dalam bulan Ogos, universiti ini memulakan pengambilan pertama pelajarannya seramai 107 orang bagi Sesi 2007 / 2008 dengan menawarkan program-program di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah dan juga program Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syarie.

Usaha untuk mengadakan pusat pengajian tinggi Islam di Negara Brunei Darussalam bermula dengan penubuhan Institut Pengajian Islam (IPI) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama pada tahun 1989 dan penubuhan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Brunei Darussalam (UBD), pada tahun 1993. Kedua-dua institusi pengajian tinggi tersebut kemudian dicantumkan pada tahun 1999 dan dikenali dengan nama Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (IPISHOAS) di bawah UBD.

Memandangkan adanya keperluan dan keinginan untuk melihat terdirinya sebuah universiti Islam di Negara Brunei Darussalam sepenuhnya, maka institut tersebut dijadikan asas bagi penubuhan UNISSA.

Peningkatan Kemasukan

Bermula dengan kemasukan pelajar seramai 107 orang pada tahun pertama penubuhannya yang mengikuti dalam 10 program yang ditawarkan oleh empat buah fakulti, kini pelajar UNISSA semakin bertambah. UNISSA pada hari ini mempunyai 1,096 pelajar mengikuti pengajian dalam 37 program akademik di lima buah fakulti dan tiga pusat kecemerlangan akademik, sekali gus menyaksikan purata peningkatan kemasukan pelajar baharu setiap tahun sebanyak 19 peratus.

Hingga ke hari ini, UNISSA berjaya melahirkan seramai 1,020 graduan dalam pelbagai peringkat pengajian.

Penambahan Program

Ketika ini, UNISSA menawarkan 30 program akademik dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian merangkumi bidang Usuluddin, Syariah, Undang-Undang, Bahasa Arab, Tamadun Islam, Tahfiz dan Qir'at, Keusahawan dan Kewangan Islam berbanding 10 tahun lalu.

InsyaAllah, menjelang 2025, lebih banyak lagi program akademik akan ditawarkan mengikut keperluan dan tuntutan semasa termasuk program dalam bidang pengurusan dan kepimpinan Islam, industri halal, komunikasi dan lain-lain program yang mendukung Wawasan Brunei 2035.

Dalam usahanya memberikan sumbangan signifikan terhadap kemantapan

UNISSA berilitizam lahirkan generasi berugama, progresif

Oleh: Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Jabatan Penerangan

pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013, UNISSA menawarkan pelbagai peringkat program pengajian dalam bidang undang-undang. Antara program yang mendapat sambutan yang menggalakkan ialah Program Dwi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syar'iah (LL.B dan BSL) yang mengambil masa pengajian selama lima tahun.

UNISSA terus berilitizam untuk meningkatkan kualiti akademiknya dan bersetia menawarkan program-program akademik merentasi disiplin dalam usaha membantu kerajaan melahirkan 'Generasi Berugama dan Progresif' dengan menyediakan program-program akademik yang lebih fleksibel, dinamik dan marketable berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi memenuhi keperluan dan pembangunan negara.

Di samping kursus Al-Quran sebagai kursus teras semua peringkat pengajian, UNISSA juga mewajibkan kursus ICT dan paling terbaharu kursus entrepreneurship sebagai kursus asas bagi semua pelajar praswazah.

Kurikulum merentasi disiplin dengan pengembangan beberapa program yang *marketable* mengikut tuntutan industri semasa ini sangat signifikan dalam usaha melahirkan 'Generasi Berugama dan Progresif' menjelang 2035.

Sesuai dengan kepekaan global dalam industri halal yang dijangka sangat berpotensi menjadi pendapatan tinggi dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara, UNISSA menubuhkan Pusat Penyelidikan Halalan Tayyibah menawarkan program minor dalam Sains Halal dan menjadikan antara program minor yang sangat diminati.

Bahasa Pengantar Pengajian

Kekuatan UNISSA amat terserial dari segi teras pengajian dan penggunaan bahasa pengantar yang digunakan dalam pengajian. UNISSA merupakan satu-satunya universiti awam di Negara Brunei Darussalam yang menerapkan sepenuhnya penggunaan bahasa Arab dan Inggeris dalam program-program pengajian yang ditawarkan, menjadikannya berpotensi menjadi hab pengajian tinggi Islam senantau.

Fakulti Di UNISSA

Bermula hanya dengan empat buah fakulti dan tiga buah pusat pada tahun 2007, kini UNISSA mempunyai lima buah fakulti iaitu Fakulti Usuluddin (FU), Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Fakulti Bahasa Arab (FBA), Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIM) dan yang terkini, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI).

Putus Akademik Dan Pusat Pengurusan

Dua buah pusat kecemerlangan akademik yang ada pada ketika ini ialah Pusat Penyelidikan Mazhab Shafii' dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) serta lima buah pusat dan bahagian pengurusan iaitu Pusat Pengajaran Lepas Ijazah (PPLI), Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP), Pusat Multimedia dan Teknologi (PMT), Pusat Hal Ehwal Perhubungan Awam dan Antarabangsa (PusPAA) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Perkembangan UNISSA juga membawa kepada penubuhan tujuh unit pengurusan akademik dan pentadbiran iaitu Unit Terjemahan, Unit Jaminan Kualiti, Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat, Unit Unitech, Unit Teknologi Pendidikan dan Estet.

Ketika ini, UNISSA sedang merancang untuk menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan halal dalam



BERMULA dengan kemasukan pelajar seramai 107 orang pada tahun pertama penubuhannya yang mengikuti dalam 10 program yang ditawarkan oleh empat buah fakulti, kini mahasiswa-mahasiswa UNISSA semakin bertambah.

usaha membantu kerajaan merealisasikan wawasannya untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai halab global bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua semasa Hafiz al-Takharruj Ke-6 UNISSA.

Putus Penyelidikan Mazhab Shafii' (PPMS)

Seperkara yang menarik dalam perkembangan UNISSA ialah dengan wujudnya sebuah pusat kecemerlangan penyelidikannya yang unggul dan relevan dengan keperluan semasa negara, iaitu Pusat Penyelidikan Mazhab Shafii' (PPMS).

Pusat ini memainkan peranan penting dalam memelihara dan memperkuatkan Mazhab Syafii sebagai teras pegangan masyarakat Islam di negara ini sejak dengan Perlembagaan Negara Brunei 1959, Bab 3 (1) yang mengkanunkan Islam sebagai agama rasmi negara mengikut fa淮南ah Ahli Sunnah Wal Jamaah, Mazhab Syafii.

Pusat ini mula menawarkan program Ijazah Sarjana Mazhab Shafii' dan Ijazah Doktor Falsafah Mazhab Shafii' pada sesi pengajian lepas. Penawaran ini adalah selaras dengan hasrat dan harapan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan pusat ini sebagai hab rujukan, kajian dan penyelidikan serantau dan antarabangsa dalam bidang Mazhab Syafii.

Graduan UNISSA

Sekjak tertubuh UNISSA, universiti ini juga telah berhasil melahirkan graduan anak tempatan negara sendiri yang menyandang Ijazah Doktor Falsafah keluaran UNISSA iaitu Doktor Falsafah Syariah dan Undang-Undang dan Doktor Falsafah Usuluddin.

Dari segi keramatan graduan yang telah dihasilkan, sehingga kini, UNISSA melahirkan seramai 908 graduan. 13 graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 192 Ijazah Sarjana dan 488 Ijazah Sarjana Muda. Dari jumlah 488 graduan pencrima Ijazah Sarjana Muda ini, sebahagian mereka berkhdmat di sektor kerajaan dan swasta, manakala selebihnya sedang melanjutkan pengajian dan mencari pekerjaan.

Sebagaimana yang telah dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Haflut Takharruj Pertama 2011 UNISSA pada 3 Mei 2011 : "Beta amatlah bangga dengan kelahiran pertama graduan UNISSA.

Dengan ini, bertambahlah lagi sumber tenaga manusia yang berilmu. Pertambahan ini tentu saja menjadi tanda kualiti sosial kian meningkat. Oleh itu ia patutlah disyukuri, sesuai dengan moto universiti, Melahirkan Insan Yang Berilmu dan Bertakwa."

Majlis Hafiz al-Takharruj Ke-8, UNISSA pada tahun ini sekali lagi melahirkan seramai 208 graduan dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian bahkan apa yang paling istimewanya di mana pada tahun ini UNISSA turut melakuk sejarah dengan pengurniaan Ijazah Doktor Kehormat Kewangan Islam ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA yang disempurnakan pengurniaannya oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Terbitan UNISSA

Kesungguhan UNISSA dalam mengembangkan penulisan ilmiah dan memperkaya khazanah ilmu Islam juga terserlah dengan tertubuhnya PPP di UNISSA.

Sehingga 2016, UNISSA berjaya menerbitkan sebanyak 121 buah buku ilmiah dalam pelbagai bidang dan bahasa yang menjadi bahan rujukan bagi pelajar-pelajar dan ahli-ahli akademik serta orang ramai. Di antara yang menarik perhatian ialah Jurnal Berwasit Antarabangsa, 'Jurnal al-Shafii' yang menggetarkan artikel-artikel ilmiah dalam pelbagai bidang berkaitan Mazhab dan Imam al-Shafii dan penerbitan Ensiklopedia Negara Zikir. PPMS juga dalam proses menerbitkan Ensiklopedia Mazhab Shafii yang akan menyediakan rujukan rantaui ini.

Memorandum Persefahaman Dan Memorandum Persepakatan

UNISSA juga terus berusaha untuk memainkan perannya dan mengukuhkan hubungannya dengan universiti-universiti lain di peringkat serantau dan antarabangsa.

Alhamdulillah, UNISSA kini menjalin hubungan kerjasama strategik melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Persepakatan (MoA) dengan 58 buah universiti dan badan profesional peringkat serantau dan antarabangsa.

Berusaha tingkatkan pengeluaran padi dan beras negara



PERJANJIAN bagi projek eksplorasi dan penganalisaan sumber air bawah tanah diwakili oleh Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Hanifah dan disaksikan oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pertanian dan Agrimakanan, Awang Saidin bin Namit, manakala Preston Geocem (B) Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Urusan Syarikat, Dayang Amalina binti Abdul Khalid dan disaksikan oleh Penolong Pengarah Urusan Syarikat, Awang Abdul Mutalif bin Mohd. Tahir.

BANDAR SERI BEGAWAN, Kamis, 27 September. - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan majlis penandatanganan perjanjian bagi dua buah projek iaitu penyewaan tapak bagi projek pengeluaran padi secara komersial dengan Yaz & Wyn Enterprise dan Projek To Conduct Electrical Resistivity Thermography (Ent), Install Trial (Tube) Wells And Analysis Of Groundwater Sample At KKP Junjungan/ Limau Manis And KKP Bebuloh, Daerah Brunei Muara; KKP Lot Sengkuang, Daerah Belait dan KKP Lekiu, Daerah Temburong dengan Preston Geocem (B) Sdn Bhd.

Majlis penandatanganan tersebut

telah berlangsung di Bilik Harmoni, Ibu Pejabat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Bagi perjanjian penyewaan tapak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah diwakili oleh Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah dan disaksikan oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Hajji Rusli bin Hajji Sapar manakala Yaz & Wyn Enterprise diwakili oleh Pemilik Syarikatnya, Awang Ezwyn bin Haji Abu Bakar dan disaksikan oleh Pengurus Syarikat tersebut, Awang Mohd. Tarmizy bin Hajji Mohd. Jamil.

Perjanjian penyewaan tapak tersebut adalah bagi Kawasan

Kemajuan Pertanian Panchor Murai A dan B seluas 110 hektar yang dijangka akan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran beras negara iaitu kira-kira sebanyak 1,150 tan metrik padi (690 tan metrik beras) setahun.

Pengeluaran padi pada skala komersial adalah merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi bagi jangka masa yang panjang.

Dengan pelaksanaan projek tersebut secara berskala besar, ia akan menjana ekonomi skala (*economy of scale*) bagi pembelian bahan-bahan input pertanian seperti baja, racun serta jentera yang berharga yang lebih rendah yang mana dapat mengurangkan kos pengeluaran padi dan seterusnya memberikan pulangan hasil pendapatan yang lebih

tinggi.

Tempoh penyewaan tapak adalah untuk lima tahun dan boleh diperbaharu teratur kepada pencapaian syarikat dalam memajukan tapak-tapak berkenaan dengan memuaskan.

Pada majlis yang sama, perjanjian bagi projek eksplorasi dan penganalisaan sumber air bawah tanah juga telah diwakili oleh Pengarah Pertanian dan Agrimakanan Dayang Hajah Aidah binti Haji Hanifah dan disaksikan oleh Pemangku

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pertanian dan Agrimakanan, Awang Saidin bin Namit manakala Preston Geocem (B) Sdn Bhd diwakili oleh Pengarah Urusan Syarikatnya, Dayang Amalina binti Abdul Khalid dan disaksikan oleh Penolong Pengarah Urusan

Temburong.

Projek-projek tersebut adalah merupakan antara usaha berterusan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara ke arah meningkatkan tahap sekuriti makanan negara.

Dari muka 22

UNISSA beriltizam lahirkan generasi berugama, progresif

Penandatanganan persefahaman bagi mewujudkan kerjasama dua hala ini menunjukkan satu pengiktirafan peringkat antarabangsa, sekaligus menggambarkan bahawa kehadiran UNISSA dalam dunia akademik kini semakin diterima dengan peringkat global.

Alhamdulillah, hasil pemeteraian MoU dan MoA, UNISSA setakat ini menghantar seramai 119 pelajaranya yang cemerlang dalam pelbagai bidang untuk mengikuti pengajian setahun di universiti-universiti berkenaan.

Beberapa buah universiti yang menjadi rakan strategik UNISSA juga telah menghantar pelajar-pelajar mereka ke UNISSA sama ada untuk mengikuti pengajian dalam tempoh tertentu atau mengadakan kunjungan ilmiah dan kerja-kerja kemasyarakatan di Negara Brunei Darussalam.

Peningkatan kehadiran tenaga akademik daripada luar negara yang membuat penyelidikan melalui cuti sabbatical (cuti dalam perkhidmatan menghadiri seminar atau membuat kajian) di UNISSA juga semakin dirasai. Kehadiran mereka sudah setentu merancakkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam agenda pengantarabangsaan pula, UNISSA menjalin kerjasama strategik dengan 74 buah institusi pengajian tinggi

dan badan profesional serantau dan antarabangsa melalui penandatanganan MoU dan MoA.

Jalinan strategik ini telah membuka banyak peluang kerjasama sinergi dan perkongsian ilmu serta penerokaan penyelidikan di samping beberapa program penghantaran pelajar dengan kos yang minim.

Bahkan UNISSA juga telah menganggotai lapan pertubuhan universiti yang berprestij peringkat serantau dan antarabangsa di mana penyertaan dalam pertubuhan-pertubuhan tersebut adalah bagi memastikan kualiti akademik yang ditawarkan di UNISSA secara dengan universiti-universiti lainnya di peringkat antarabangsa.

Di samping itu, UNISSA juga tidak mengenepikan pemerkasaan kapasiti masyarakat di mana Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat yang memulakan operasinya pada tahun 2017 dihasilkan sebagai platform kepada pegawai-pegawai kerajaan dan swasta serta masyarakat untuk menggalakkan budaya pembelajaran berterusan demi membentuk sebuah bangsa yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Keahlian UNISSA Peringkat Antarabangsa

UNISSA telah diberi kepercayaan menjadi Ahli Lembaga Eksekutif bagi

beberapa pertubuhan universiti iaitu :-

1. ASIAN Islamic Universities Association (AIUA)
2. Islamic Universities League (IUL)
3. Association of Universities of Asia and the Pacific (AUAP)
4. Ahli kepada Federation of the Universities of the Islamic World (FUIW)
5. Asia Pacific University Community Engagement Network (APUCEN)
6. ASEAN University Network-Quality Assurance (AUN-QA) dan
7. International Association of Universities (IAU).

Pelajar Antarabangsa

Sekjak kehadiran UNISSA yang menawarkan program pengajian Islam di rantau ini, UNISSA mula menjadi pilihan alternatif bagi pelajar serantau dan antarabangsa untuk melanjutkan pengajian Islam mereka ke peringkat lebih tinggi, di mana sekitar 10 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar UNISSA terdiri daripada pelajar antarabangsa dan hingga ke hari ini, UNISSA telah menerima sejumlah pelajar antarabangsa dari 34 buah negara yang mengikuti pengajian mereka dalam pelbagai peringkat.

Alhamdulillah, kejayaan UNISSA melahirkan para graduannya yang bukan sahaja terdiri dari pelajar-pelajar tempatan, malahan juga pelajar dari luar negara ini, mencerminkan komitmen dan kesungguhan

Kerajaan Kebawah DYMM untuk sama-sama memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ummah sejagat.

Pencapaian Pelajar

Kesungguhan UNISSA dalam menggarap kemahiran para pelajar melalui pelbagai persatuan menyaksikan kejayaan pelajaranya mengukir nama bukan sahaja di peringkat negara malahan ke peringkat antarabangsa.

Antara pencapaian cemerlang berkenaan ialah kejayaan tiga pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang yang menjadi ahli Persatuan Pelajar Undang-Undang Asia (ALSA) memenangi Pertandingan Bahas Thomas Phillips Moot dalam Persidangan Tahunan yang berlangsung di Malaysia pada awal tahun 2016.

Salah seorang pelajar UNISSA juga dianugerahkan Most Diplomatic Person in ASEAN Political-Security Community dalam 2nd ASEAN Foundation Model ASEAN Summit yang diadakan di Republik Rakyat Lao pada awal bulan Oktober 2016.

Dengan perkembangan UNISSA ini, ia diharap akan dapat memangkin semangat patriotik dalam jati diri setiap mahasiswa dan mahasiswa agar terus memberikan komitmen yang jitu dan padu demi pembangunan agama, bangsa dan negara.

Siaran Akbar dan Foto :
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan

Syarikat tersebut, Awang Abdul Mutalif bin Mohd. Tahir.

Perjanjian projek bagi perkhidmatan eksplorasi dan penganalisaan sumber air bawah tanah telah ditawarkan secara terbuka melalui proses tawaran pada bulan April 2018.

Tujuan utama projek berkenaan adalah bagi mendapatkan sumber air yang boleh digunakan sebagai salah satu alternatif kepada sistem pengairan yang mencukupi bagi keperluan lokasi yang spesifik dan kos efektif.

Sebagai permulaan, projek pencrokaan sumber air bawah tanah ini dilaksanakan melalui projek rintis yang menumpukan kepada kawasan-kawasan penanaman padi yang mana sistem pengairannya kurang lengkap dan juga kawasan-kawasan yang belum mempunyai sistem pengairan dan hanya mengharapkan air hujan sebagai sumber pengairan.

Empat buah kawasan di negara ini telah dikenal pasti bagi pelaksanaan projek rintis tersebut iaitu Kawasan Kemajuan Pertanian Bebuloh, Daerah Brunei Muara; Kawasan Kemajuan Pertanian Limau Manis dan Junjungan, Daerah Brunei Muara; Kawasan Kemajuan Pertanian Lot Sengkuang, Daerah Belait dan Kawasan Kemajuan Pertanian Perdayan dan Lekiu, Daerah Temburong.

Projek-projek tersebut adalah merupakan antara usaha berterusan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara ke arah meningkatkan tahap sekuriti makanan negara.